

**NO. SOALAN: 201**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[ BUKIT BENDERA ]**

**RUJUKAN : 8722**

**SOALAN:**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perangkaan bagi mangsa rogol yang berusia bawah 18 tahun dan bawah 12 tahun mengikut negeri dan jantina mangsa bagi setiap tahun dari 2010 hingga 2015.**

**JAWAPAN:**

Pihak PDRM memandang serius terhadap jenayah seksual ini yang bukan sekadar menyebabkan kecederaan fizikal tetapi turut mencalarkan maruah (*dignity*) dan menyebabkan trauma yang berpanjangan kepada mangsa terutamanya kepada kanak-kanak yang di usia terlalu muda.

Statistik mengikut negeri bagi mangsa rogol yang berusia bawah 18 tahun ke bawah dari tahun 2010 hingga 2015 seperti berikut:-

KONTINJEN	2010	2011	2012	2013	2014	2015	JUMLAH
PERLIS	31	39	34	32	28	26	190
KEDAH	254	243	227	185	196	156	1,261
PULAU PINANG	104	90	93	84	72	57	500
PERAK	231	175	157	128	105	73	869
SELANGOR	413	359	293	275	244	229	1,813
KUALA LUMPUR	100	94	80	102	96	83	555
NEGERI SEMBILAN	142	118	125	127	102	88	702
MELAKA	94	73	78	98	60	71	474
JOHOR	428	434	387	351	245	203	2,048
PAHANG	181	190	173	148	117	86	895
TERENGGANU	123	116	136	104	93	87	659
KELANTAN	242	216	205	203	183	173	1,222
SABAH	165	165	172	160	166	167	995
SARAWAK	150	107	139	114	122	120	752
<b>JUMLAH</b>	<b>2,658</b>	<b>2,419</b>	<b>2,299</b>	<b>2,111</b>	<b>1,829</b>	<b>1,619</b>	<b>12,935</b>

**Statistik mengikut negeri bagi mangsa rogol yang berusia bawah 12 tahun ke bawah dari tahun 2010 hingga 2015 seperti berikut:**

KONTINJEN	2010	2011	2012	2013	2014	2015	JUMLAH
PERLIS	6	2	2	4	0	0	14
KEDAH	11	18	17	14	16	6	82
PULAU PINANG	5	7	0	8	6	4	30
PERAK	18	18	19	7	11	4	77
SELANGOR	33	32	26	22	26	27	166
KUALA LUMPUR	8	10	2	18	7	8	53
NEGERI SEMBILAN	10	12	13	5	6	13	59
MELAKA	10	4	4	6	4	6	34
JOHOR	27	28	42	29	20	8	154
PAHANG	27	21	21	14	6	12	101
TERENGGANU	9	10	8	6	5	8	46
KELANTAN	12	11	15	9	6	9	62
SABAH	15	18	21	21	26	27	128
SARAWAK	23	11	12	13	18	13	90
JUMLAH	214	202	202	176	157	145	1096

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[ BUKIT BENDERA ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perangkaan enrolmen di Institut-institut Pendidikan Guru, termasuk peratusan pelatih yang mempunyai kelayakan minimum 5As dalam SPM, diperincikan mengikut tahun dari 2012 hingga 2016.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah enrolmen keseluruhan di Institut Pendidikan Guru (IPG) adalah seramai 9,817 orang. Bilangan calon guru yang ditawarkan yang mendapat (12A hingga 5A) bagi Program Persediaan (PPISMP) di IPG KPM bagi 2014 adalah berjumlah 2,246 orang. Manakala bagi tahun 2015 jumlahnya bertambah iaitu seramai 2,895 orang.